



فجاجة فربندهاران نكري كلنتن  
**PEJABAT PERBENDAHARAAN**  
**NEGERI KELANTAN**  
Blok 4, Kota Darulnaim,  
15503 Kota Bharu, Kelantan.

Pentadbiran Am : 09-7481957  
Pegawai Kewangan Negeri : 09-7485343  
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri : 09-7436429  
Bendahari Negeri : 09-7483484  
Fax No : 09-7487113  
E-mail : treasury@kelantan.gov.my  
Web site : www.pkn.kelantan.gov.my

Ruj.Kami: PKN.(S).A.1/9-1/Jld.2(22)  
Bertarikh: 24 Syaaban 1442H  
07 April 2021M

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Urusetia Kerajaan Negeri

YB Dato'/ YABhg. Dato'/ YM Tengku/ Tuan/ Puan,

**PEMAKAIAN PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA PB 1.4 TATACARA  
ANGGARAN PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI TEMPOH DARURAT**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB 1.4 Tatacara Anggaran Perbelanjaan Tambahan Bagi Tempoh Darurat berkuatkuasa mulai 31 Mac 2021.


3. Pekeliling Perbendaharaan berkenaan boleh dimuat turun melalui laman web [www.ppp.treasury.gov.my](http://www.ppp.treasury.gov.my) dan [www.pkn.gov.my](http://www.pkn.gov.my).

Kerjasama dan perhatian YB Dato'/ YABhg. Dato'/ YM Tengku/ tuan/ puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**\* RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT \***  
**\*\*PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19\*\***

Saya yang menjalankan amanah,

  
**DATO' AHMAD ROBERT BIN ABD. RAHIM, D.P.S.K. (Kelantan)**  
Pegawai Kewangan Negeri  
Kelantan

S.k.: 1. Yang Amat Berhormat Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan  
2. Yang Berhormat Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan  
3. Yang Amat Berusaha Pengarah Audit Negeri Kelantan



# KERAJAAN MALAYSIA

---

## Tatacara Anggaran Perbelanjaan Tambahan Bagi Tempoh Darurat

---

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

**KANDUNGAN****PB 1.4 TATACARA ANGGARAN PERBELANJAAN TAMBAHAN  
BAGI TEMPOH DARURAT**

1.	Tujuan.....	2
2.	Tafsiran.....	2
3.	Latar Belakang.....	2
4.	Peruntukan Kewangan Sementara.....	3
5.	Pelaksanaan.....	5
6.	Tarikh Kuat Kuasa.....	6
7.	Pemakaian.....	6
8.	Maklumat Perhubungan.....	7
	<b>LAMPIRAN.....</b>	
	Lampiran A	8
	Lampiran B1	9
	Lampiran B2	10
	Lampiran C1	11
	Lampiran C2	12
	Lampiran D1	13
	Lampiran D2	14
	Lampiran E1	15
	Lampiran E2	16
	Lampiran F1	17
	Lampiran F2	18
	Lampiran G1	19
	Lampiran G2	20

## **PB 1.4 TATACARA ANGGARAN PERBELANJAAN TAMBAHAN BAGI TEMPOH DARURAT**

### **1. TUJUAN**

Pekeliling Perbendaharaan ini bertujuan untuk menetapkan serta menjelaskan tatacara berhubung dengan anggaran perbelanjaan tambahan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan atau Negeri bagi tempoh darurat yang diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

### **2. TAFSIRAN**

Bagi maksud Pekeliling Perbendaharaan ini, kecuali jika konteksnya menghendaki maksud yang lain:

“Menteri Besar atau Ketua Menteri” hendaklah mempunyai tafsiran yang sama seperti yang diberi kepadanya di bawah seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]; dan

“Perbendaharaan” bermaksud Menteri Kewangan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Tafsiran 1948/1967 [*Akta 388*].

### **3. LATAR BELAKANG**

#### **3.1 Proklamasi dan Ordinan Darurat**

Yang di-Pertuan Agong telah mengisytiharkan Proklamasi Darurat [*P.U.(A)7/2021*] menurut Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan yang meliputi seluruh Persekutuan berkuat kuasa mulai 11 Januari 2021 hingga 1 Ogos 2021. Susulan daripada itu, Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 [*P.U.(A)12/2021*] (“Ordinan”) telah dimasyhurkan dan berkuat kuasa pada tarikh yang sama iaitu pada 11 Januari 2021.

3.2 Ordinan ini mengandungi 18 seksyen yang antara lainnya memperuntukkan seperti yang berikut:

3.2.1 Kuasa Eksekutif Persekutuan dan Negeri

Seksyen 11 Ordinan memperuntukkan bahawa, bagi tempoh darurat berkuat kuasa:

3.2.1.1 Perdana Menteri dan Jemaah Menteri yang wujud sebaik sebelum Proklamasi Darurat dikeluarkan hendaklah terus menjalankan kuasa eksekutif Persekutuan; dan

3.2.1.2 Menteri Besar atau Ketua Menteri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Kabinet Negeri bagi Negeri masing-masing yang wujud sebaik sebelum Proklamasi Darurat dikeluarkan hendaklah terus menjalankan kuasa eksekutif Negeri.

3.2.2 Persidangan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri

Seksyen 14 dan 15 Ordinan memperuntukkan bahawa mesyuarat Parlimen dan mana-mana mesyuarat Dewan Undangan Negeri tidak akan dipanggil, diprorog atau dibubarkan bagi tempoh darurat berkuat kuasa kecuali pada suatu tarikh yang difikirkan sesuai oleh Yang di-Pertuan Agong.

#### 4. PERUNTUKAN KEWANGAN SEMENTARA

4.1 Anggaran Perbelanjaan Tambahan

Memandangkan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri tidak akan bersidang bagi tempoh darurat berkuat kuasa, urusan berkaitan kelulusan anggaran perbelanjaan tambahan yang dibelanjakan pada tahun kewangan sebelumnya atau pada tahun kewangan semasa tidak dapat dilaksanakan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah:

4.1.1 Perkara 101 Perlembagaan Persekutuan bagi maksud Kerajaan Persekutuan atau peruntukan Perlembagaan Negeri yang serupa bagi maksud Kerajaan Negeri berhubung dengan Perbelanjaan Bekalan Tambahan; dan

4.1.2 subseksyen 4(2) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*] bagi maksud Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berhubung dengan Perbelanjaan Pembangunan Tambahan.

#### 4.2 Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (Pindaan) 2021

Ordinan telah dipinda melalui Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (Pindaan) 2021 [P.U.(A)151/2021] dengan memperuntukkan seksyen 10A yang baharu berhubung dengan peruntukan kewangan sementara bagi memberi kuasa kepada Perbendaharaan dan Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri meluluskan anggaran perbelanjaan tambahan dan pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan atau Negeri bagi maksud perkara-perkara yang berikut:

4.2.1 Perbelanjaan Tanggungan;

4.2.2 Perbelanjaan Bekalan Tambahan; dan/atau

4.2.3 Perbelanjaan Pembangunan Tambahan.

#### 4.3 Seksyen 10A Baharu

##### **“Peruntukan kewangan sementara**

10A. Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan sesuatu Negeri yang berhubungan dengan perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan atau Kumpulan Wang Disatukan bagi sesuatu Negeri, apa-apa perbelanjaan tambahan yang menghendaki suatu Akta atau Enakmen atau ketetapan Dewan Rakyat atau Dewan Undangan bagi sesuatu Negeri, dan pengeluaran daripada mana-mana Kumpulan Wang itu, bagi tempoh darurat berkuat kuasa, apa-apa perbelanjaan atau pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan atau Kumpulan Wang Disatukan bagi sesuatu Negeri boleh dibuat dengan kelulusan Perbendaharaan atau Menteri Besar atau Ketua Menteri bagi sesuatu Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan mengikut cara sebagaimana yang diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau mana-mana Arahan Perbendaharaan atau Pekeliling Perbendaharaan yang berhubungan dengannya yang pada masa itu berkuat kuasa.”

## 5. PELAKSANAAN

Bagi melaksanakan tatacara anggaran perbelanjaan tambahan bagi tempoh darurat berkuat kuasa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 10A Ordinan, perkara-perkara yang berikut hendaklah dipatuhi:

- 5.1 semua peruntukan kewangan yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri dan dimasukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Tahun 2021, boleh dibelanjakan seperti biasa melainkan jika dihad atau digantungkan di bawah perenggan 13(3)(b) Akta 61 atau seksyen 8 Akta 406;
- 5.2 perbelanjaan yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan atau Kumpulan Wang Disatukan bagi sesebuah Negeri mengikut Perlembagaan Persekutuan, Perlembagaan sesuatu Negeri atau mana-mana undang-undang bertulis tetapi peruntukan itu tidak dimasukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Tahun 2021, boleh dibayar dengan kelulusan seperti berikut:
- 5.2.1 Perbendaharaan, jika perbelanjaan itu berhubung dengan perbelanjaan Persekutuan; atau
- 5.2.2 Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri, jika perbelanjaan itu berhubung dengan perbelanjaan Negeri;
- 5.3 anggaran perbelanjaan tambahan bagi Perbelanjaan Bekalan dan Perbelanjaan Pembangunan boleh dibuat mengikut proses seperti di **Lampiran A** dan kelulusan diberi sebagaimana subperenggan 5.4 di bawah;
- 5.4 bagi maksud subperenggan 5.2 dan 5.3 di atas, adalah memadai kelulusan dinyatakan dengan tandatangan Menteri Kewangan bagi Anggaran Perbelanjaan Tambahan Persekutuan, atau Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri bagi Anggaran Perbelanjaan Tambahan Negeri. Sebagai panduan, contoh kelulusan berkaitan adalah seperti yang berikut:

Kelulusan	Lampiran
Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2020/2021</li> <li>• <i>First Supplementary Operating Expenditure Estimates 2020/2021</i></li> </ul>	Lampiran B1 ✓  Lampiran B2
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2020/2021</li> <li>• <i>First Supplementary Development Expenditure Estimates 2020/2021</i></li> </ul>	Lampiran C1 ✓  Lampiran C2

- 5.5 kelulusan yang diberi di bawah subperenggan 5.4 di atas hendaklah disiarkan sebagai pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* atau *Warta Kerajaan Negeri*. Sebagai panduan, contoh pemberitahuan berkaitan adalah seperti yang berikut:

<b>Pemberitahuan</b>	<b>Lampiran</b>
<b>Kerajaan Persekutuan</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2020/2021</li> <li>• <i>First Supplementary Operating Expenditure Estimates 2020/2021</i></li> </ul>	<b>Lampiran D1</b>  <b>Lampiran D2</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2020/2021</li> <li>• <i>First Supplementary Development Expenditure Estimates 2020/2021</i></li> </ul>	<b>Lampiran E1</b>  <b>Lampiran E2</b>
<b>Kerajaan Negeri</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2020/2021</li> <li>• <i>First Supplementary Operating Expenditure Estimates 2020/2021</i></li> </ul>	<b>Lampiran F1</b>  <b>Lampiran F2</b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2020/2021</li> <li>• <i>First Supplementary Development Expenditure Estimates 2020/2021</i></li> </ul>	<b>Lampiran G1</b>  <b>Lampiran G2</b>

- 5.6 kebenaran bagi mengeluarkan wang mengikut anggaran perbelanjaan tambahan yang diluluskan akan dikemukakan kepada Akauntan Negara atau Akauntan Negeri/Bendahari Negeri, mengikut mana yang berkenaan, melalui Waran-Waran Am sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 13(2) dan 13(3) Akta 61 serta seksyen 8 Akta 406.

## **6. TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling Perbendaharaan ini berkuat kuasa mulai 31 Mac 2021.

## **7. PEMAKAIAN**

Pekeliling Perbendaharaan ini hendaklah terpakai kepada Kerajaan Persekutuan dan semua Kerajaan Negeri selaras dengan seksyen 10A Ordinan.




**8. MAKLUMAT PERHUBUNGAN**

Sekiranya terdapat apa-apa pertanyaan atau kemusykilan berhubung Pekeliling Perbendaharaan ini, sila hubungi:

<b>Kementerian/Jabatan/ Agensi Persekutuan</b>	<b>Kerajaan Negeri</b>
Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan Malaysia Pejabat Belanjawan Negara Aras 6-8, Blok Utara Kompleks Kementerian Kewangan No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2 62592 Putrajaya (u.p.: Sektor Dasar dan Konsolidasi Bajet) Tel. : 03-8882 3816/3806 E-mel : nbo.sb@treasury.gov.my	Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan Malaysia Pejabat Belanjawan Negara Aras 6-8, Blok Utara Kompleks Kementerian Kewangan No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2 62592 Putrajaya (u.p.: Sektor Perkhidmatan Am) Tel. : 03-8882 3479/3837 E-mel : jkhas@treasury.gov.my

**LAMPIRAN A**

**Proses Anggaran Perbelanjaan Tambahan Bagi Tempoh Darurat**



## LAMPIRAN B1

## KEPALA SURAT

## ORDINAN DARURAT (KUASA-KUASA PERLU) 2021

## Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2020/2021\*

Selaras dengan seksyen 10A Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 [P.U.(A)12/2021], saya, Menteri Kewangan/Menteri Besar/Ketua Menteri\* meluluskan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi dua ratus lima puluh lima juta enam ratus enam puluh lima ribu sembilan ratus ringgit (RM255,665,900) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk pelbagai perkhidmatan yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama bagi tahun 2020/2021\* yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2020 [Akta A1608]/Enakmen Perbekalan 2020/2021 [Enakmen A123]\*.

2. Wang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual seperti yang berikut:

JADUAL		
Maksud	Tajuk	Amaun (RM)
T.12	Perbendaharaan	20,000,000
B.6	Jabatan Perdana Menteri/Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	138,105,900
B.11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	39,000,000
B.14	Kementerian Kerja Raya/Jabatan Kerja Raya	45,000,000
B.20	Kementerian Alam Sekitar dan Air/Jabatan Perhutanan	13,560,000
JUMLAH		255,665,900

DILULUSKAN,

.....  
NAMA  
Menteri Kewangan/Menteri Besar/Ketua Menteri\*

Tarikh:

(Nota: \* Potong yang mana tidak berkenaan)

## LAMPIRAN B2

## LETTERHEAD

## EMERGENCY (ESSENTIAL POWERS) ORDINANCE 2021

## First Supplementary Operating Expenditure Estimates 2020/2021\*

In accordance with section 10A of the Emergency (Essential Powers) Ordinance 2021 [P.U.(A)12/2021], I, Minister of Finance/Menteri Besar/Chief Minister\* approve the issue from the Consolidated Fund of a sum not exceeding two hundred fifty five million six hundred sixty five thousand and nine hundred ringgit (RM255,665,900) for expenditure on the various services specified in the First Supplementary Operating Expenditure Estimates for the year 2020/2021\*, not provided or not fully provided for by the Supply Act 2020 [Act A1608]/Supply Enactment 2020/2021 [Enactment A123]\*.

2. The said sum is appropriated for the purposes specified in the Schedule hereto:

## SCHEDULE

<i>Purpose</i>	<i>Title</i>	<i>Amount</i> (RM)
T.12	Treasury	20,000,000
B.6	Prime Minister's Department/State Secretary's Office	138,105,900
B.11	Treasury General Services	39,000,000
B.14	Ministry of Works/Public Works Department	45,000,000
B.20	Ministry of Environment and Water/Forestry Department	13,560,000
TOTAL		255,665,900

APPROVED,

.....  
NAME

Minister of Finance/Menteri Besar/Chief Minister\*

Date:

(Note: \* Delete whichever is not applicable)

## LAMPIRAN C1

## KEPALA SURAT

## ORDINAN DARURAT (KUASA-KUASA PERLU) 2021

## Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2020/2021\*

Selaras dengan seksyen 10A Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 [P.U.(A)12/2021], saya, Menteri Kewangan/Menteri Besar/Ketua Menteri\* meluluskan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi empat juta lima ratus ribu sepuluh ringgit (RM4,500,010) daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi perbelanjaan dalam tahun 2020/2021\* bagi maksud-maksud yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020/2021\*.

2. Wang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual seperti yang berikut:

Maksud	Butiran (Projek)	Tajuk	Amaun	
			(RM)	
			Cara Langsung	Pinjaman
P.4 - Jabatan Perdana Menteri/Pejabat Setiausaha Kerajaan	01000	Pembangunan	1,500,000	-
	07000	Pemuliharaan Bangunan Warisan	500,000	-
P.6 - Perbendaharaan/Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	04000	Perbelanjaan Luar Jangka	2,000,000	-
P.9 - Kementerian Kerja Raya/Jabatan Kerja Raya	06000	Kerja-kerja Sipil	500,000	-
P.12 - Kementerian Pertanian dan Industri/Jabatan Perkhidmatan Veterinar	02000 (Baharu)	Pembangunan Industri Bukan Ruminan	10	-
		JUMLAH	<u>4,500,010</u>	<u>-</u>
		<b>JUMLAH BESAR</b>	<b><u>4,500,010</u></b>	

DILULUSKAN,

.....  
NAMA

Menteri Kewangan/Menteri Besar/Ketua Menteri\*

Tarikh:

(Nota: \* Potong yang mana tidak berkenaan)

## LAMPIRAN C2

## LETTERHEAD

## EMERGENCY (ESSENTIAL POWERS) ORDINANCE 2021

## First Supplementary Development Expenditure Estimates 2020/2021\*

In accordance with section 10A of the Emergency (Essential Powers) Ordinance 2021 [P.U.(A)12/2021], I, Minister of Finance/Menteri Besar/Chief Minister\* approve the issue from the Development Fund of a sum not exceeding four million five hundred thousand and ten ringgit (RM4,500,010) for expenditure in 2020/2021\* for purposes not provided or not fully provided for by the Development Expenditure Estimates 2020/2021\*.

2. The said sum is appropriated for the purposes specified in the Schedule hereto:

## SCHEDULE

Purpose	Item (Project)	Title	Amount	
			Direct	Loan
P.4 - Prime Minister's Department/State Secretary's Office	01000	Development	1,500,000	-
	07000	Conservation of Heritage Buildings	500,000	-
P.6 - Treasury/State Finance and Treasury Office	04000	Contingency Expenditure	2,000,000	-
P.9 - Ministry of Works/Public Works Department	06000	Civil Works	500,000	-
P.12 - Ministry of Agriculture and Food Industries/Veterinary Services Department	02000 (New)	Development of Non-Ruminant Industry	10	-
TOTAL			<u>4,500,010</u>	-
GRAND TOTAL			<u>4,500,010</u>	

APPROVED,

NAME

Minister of Finance/Menteri Besar/Chief Minister\*

Date:

(Note: \* Delete whichever is not applicable)

## LAMPIRAN D1

P.U.(B)

## ORDINAN DARURAT (KUASA-KUASA PERLU) 2021

## Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2020/2021\*

Adalah diberitahu untuk pemakluman umum bahawa mengikut seksyen 10A Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 [*P.U. (A) 12/2021*], Menteri Kewangan telah meluluskan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi satu bilion tujuh puluh lima juta tiga ratus enam puluh enam ribu empat ratus ringgit (RM1,075,366,400) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk pelbagai perkhidmatan yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama bagi tahun 2020/2021\* yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2020 [*Akta A1608*]/Akta Perbekalan 2021 [*Akta A1626*]\*.

2. Wang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual seperti yang berikut:

## JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun</i> (RM)
T.12	Perbendaharaan	20,000,000
B.6	Jabatan Perdana Menteri	138,105,900
B.11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	39,000,000
B.14	Kementerian Perpaduan Negara	45,000,000
B.20	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	13,560,000
B.21	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	95,600,000
B.28	Kementerian Pengangkutan	72,600,500
B.45	Kementerian Belia dan Sukan	1,500,000
B.60	Kementerian Pertahanan	650,000,000
JUMLAH		1,075,366,400

Bertarikh pada 29 Februari 2021.

[ ]

DATO' ASRI BIN HAMIDON  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

(Nota: \* Potong yang mana tidak berkenaan)

## LAMPIRAN D2

P.U.(B)

## EMERGENCY (ESSENTIAL POWERS) ORDINANCE 2021

## First Supplementary Operating Expenditure Estimates 2020/2021\*

It is notified for general information that in accordance with the provision of section 10A of the Emergency (Essential Powers) Ordinance 2021 [P.U.(A)12/2021], the Minister of Finance has approved the issue from the Consolidated Fund of a sum not exceeding one billion and seventy five million three hundred and sixty six thousand four hundred ringgit (RM1,075,366,400) for expenditure on the various services specified in the First Supplementary Operating Expenditure Estimates for the year 2020/2021\*, not provided or not fully provided for by the Supply Act 2020 [Act A1608]/Supply Act 2021 [Act A1626]\*.

2. The said sum is appropriated for the purposes specified in the Schedule hereto:

SCHEDULE		
<i>Purpose</i>	<i>Title</i>	<i>Amount</i>
		(RM)
T.12	Treasury	20,000,000
B.6	Prime Minister's Department	138,105,900
B.11	Treasury General Services	39,000,000
B.14	Ministry of National Unity	45,000,000
B.20	Ministry of Plantation Industries and Commodities	13,560,000
B.21	Ministry of Agriculture and Food Industries	95,600,000
B.28	Ministry of Transport	72,600,500
B.45	Ministry of Youth and Sports	1,500,000
B.60	Ministry of Defence	650,000,000
	TOTAL	1,075,366,400

Dated this 29th day of February 2021.

[ ]

DATO' ASRI BIN HAMIDON  
Secretary General to the Treasury

(Note: \* Delete whichever is not applicable)



## LAMPIRAN E1

P.U.(B)

## ORDINAN DARURAT (KUASA-KUASA PERLU) 2021

## Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2020/2021\*

Adalah diberitahu untuk pemakluman umum bahawa mengikut seksyen 10A Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 [P.U.(A)12/2021], Menteri Kewangan telah meluluskan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi satu ratus sembilan puluh lapan juta empat puluh ringgit (RM198,000,040) daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi perbelanjaan dalam tahun 2020/2021\* bagi maksud-maksud yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020/2021\*.

2. Wang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual seperti yang berikut:

Maksud	Butiran (Projek)	Tajuk	Amaun (RM)	
			Cara Langsung	Pinjaman
P.6 - Jabatan Perdana Menteri	93000 (Baharu)	Projek-projek kecil	20,000,000	-
	00101	Majlis Keselamatan Negara	50,000,000	-
P.10 - Perbendaharaan	09000	Pelbagai Suntikan Ekuiti	95,000,000	-
P.21 - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	27100 (Baharu)	Pembangunan Pejabat Perikanan	18,000,000	-
P.27 - Kementerian Kerja Raya	31000	Pembinaan Jalan dan Jambatan	-	15,000,000
P.28 - Kementerian Pengangkutan	00300 (Baharu)	Bayaran Pampasan dan Premium Tanah	10	-
	20000 (Baharu)	Peningkatan Infrastruktur Rel	10	-
P.31 - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	44200 (Baharu)	Perolehan Bahan Arkib	10	-
P.63 - Kementerian Pendidikan	03900 (Baharu)	Pembelian Tanah (Pendidikan) Pelbagai Negeri	10	-
		JUMLAH	183,000,040	15,000,000
		<b>JUMLAH BESAR</b>	<b><u>198,000,040</u></b>	

Bertarikh pada 31 Mei 2021.

[ ]

DATO' ASRI BIN HAMIDON  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

(Nota: \* Potong yang mana tidak berkenaan)

## LAMPIRAN E2

P.U.(B)

## EMERGENCY (ESSENTIAL POWERS) ORDINANCE 2021

## First Supplementary Development Expenditure Estimates 2020/2021\*

It is notified for general information that in accordance with the provision of section 10A of the Emergency (Essential Powers) Ordinance 2021 [P.U.(A)12/2021], the Minister of Finance has approved the issue from the Development Fund of a sum not exceeding one hundred ninety eight million and forty ringgit (RM198,000,040) for expenditure in 2020/2021\* for purposes not provided or not fully provided for by the Development Expenditure Estimates 2020/2021\*.

2. The said sum is appropriated for the purposes specified in the Schedule hereto:

Purpose	Item (Project)	Title	Amount	
			(RM)	
			Direct	Loan
P.6 - Prime Minister's Department	93000 (New)	Minor Projects	20,000,000	-
	00101	National Security Council	50,000,000	-
P.10 - Treasury	09000	Various Equity Injections	95,000,000	-
P.21 - Ministry of Agriculture and Food Industries	27100 (New)	Fisheries Office Development	18,000,000	-
P.27 - Ministry of Works	31000	Building of Roads and Bridges	-	15,000,000
P.28 - Ministry of Transport	00300 (New)	Payment of Compensation and Premium on Land	10	-
	20000 (New)	Upgrading Rail Infrastructure	10	-
P.31 - Ministry of Tourism, Arts and Culture	44200 (New)	Procurement of Archival Materials	10	-
P.63 - Ministry of Education	03900 (New)	Purchase of Land (Education) Various States	10	-
		TOTAL	<u>183,000,040</u>	<u>15,000,000</u>
		<b>GRAND TOTAL</b>	<b><u>198,000,040</u></b>	

Dated this 31st day of May 2021.

[ ]

DATO' ASRI BIN HAMIDON  
Secretary General to the Treasury

(Note: \* Delete whichever is not applicable)

## LAMPIRAN F1

## ORDINAN DARURAT (KUASA-KUASA PERLU) 2021

## Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2020/2021\*

Adalah diberitahu untuk pemakluman umum bahawa mengikut seksyen 10A Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 [P.U.(A)12/2021], Menteri Besar/Ketua Menteri\* telah meluluskan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sembilan puluh empat juta tiga ratus ribu ringgit (RM94,300,000) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk pelbagai perkhidmatan yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama bagi tahun 2020/2021\* yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Enakmen Perbekalan 2020/2021\* [Enakmen A123].

2. Wang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual seperti yang berikut:

JADUAL		
Maksud	Tajuk	Amaun (RM)
T.2	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	500,000
B.3	Pejabat Setiausaha Kerajaan	800,000
B.4	Perbendaharaan Negeri	50,000,000
B.8	Jabatan Pengairan dan Saliran	10,000,000
B.10	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2,000,000
B.19	Jabatan Perhutanan	2,000,000
B.24	Jabatan Kerja Raya	28,000,000
B.28	Sumbangan kepada Kumpulan Wang Terkanun	1,000,000
JUMLAH		94,300,000

Bertarikh pada 31 April 2021.

[ ]

NAMA  
Pegawai Kewangan Negeri/  
Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak/  
Setiausaha Tetap,  
Kementerian Kewangan Sabah\*

(Nota: \* Potong yang mana tidak berkenaan)

**LAMPIRAN F2****EMERGENCY (ESSENTIAL POWERS) ORDINANCE 2021****First Supplementary Operating Expenditure Estimates 2020/2021\***

It is notified for general information that in accordance with the provision of section 10A of the Emergency (Essential Powers) Ordinance 2021 [P.U.(A)12/2021], the Menteri Besar/Chief Minister\* has approved the issue from the Consolidated Fund of a sum not exceeding ninety four million three hundred thousand ringgit (RM94,300,000) for expenditure on the various services specified in the First Supplementary Operating Expenditure Estimates for the year 2020/2021\*, not provided or not fully provided for by the Supply Enactment 2020/2021\* [Enactment A123].

2. The said sum is appropriated for the purposes specified in the Schedule hereto:

SCHEDULE		
<i>Purpose</i>	<i>Title</i>	<i>Amount</i> (RM)
T.2	Public Service Commission	500,000
B.3	State Secretariat	800,000
B.4	State Treasury	50,000,000
B.8	Drainage and Irrigation Department	10,000,000
B.10	Veterinary Services Department	2,000,000
B.19	Forestry Department	2,000,000
B.24	Public Works Department	28,000,000
B.28	Contributions to Statutory Funds	1,000,000
TOTAL		94,300,000

Dated this 31st day of April 2021.

[ \_\_\_\_\_ ]

NAME  
*State Financial Officer/  
 State Financial Secretary, Sarawak/  
 Permanent Secretary,  
 Ministry of Finance Sabah\**

(Note: \* Delete whichever is not applicable)

## LAMPIRAN G1

## ORDINAN DARURAT (KUASA-KUASA PERLU) 2021

## Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2020/2021\*

Adalah diberitahu untuk pemakluman umum bahawa mengikut seksyen 10A Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 [P.U.(A)12/2021], Menteri Besar/Ketua Menteri\* telah meluluskan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi empat juta lima ratus ribu sepuluh ringgit (RM4,500,010) daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi perbelanjaan dalam tahun 2020/2021\* bagi maksud-maksud yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020/2021\*.

2. Wang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual seperti yang berikut:

**JADUAL**

Maksud	Butiran (Projek)	Tajuk	Amaun (RM)	
			Cara Langsung	Pinjaman
P.4 - Pejabat Setiausaha Kerajaan	01000	Pembangunan Daerah	1,500,000	-
	07000	Pemuliharaan Bangunan Warisan	500,000	-
P.6 - Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	04000	Perbelanjaan Luar Jangka	2,000,000	-
P.9 - Jabatan Kerja Raya	06000	Kerja-karya Sivil	500,000	-
P.12 - Jabatan Perkhidmatan Veterinar	02000 (Baharu)	Pembangunan Industri Bukan Ruminan	10	-
JUMLAH			<u>4,500,010</u>	-
<b>JUMLAH BESAR</b>			<b><u>4,500,010</u></b>	

Bertarikh pada 31 Jun 2021.

[ ]

NAMA  
Pegawai Kewangan Negeri/  
Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak/  
Setiausaha Tetap,  
Kementerian Kewangan Sabah\*

(Nota: \* Potong yang mana tidak berkenaan)

**LAMPIRAN G2****EMERGENCY (ESSENTIAL POWERS) ORDINANCE 2021****First Supplementary Development Expenditure Estimates 2020/2021\***

It is notified for general information that in accordance with the provision of section 10A of the Emergency (Essential Powers) Ordinance 2021 [P.U.(A)12/2021], the Menteri Besar/Chief Minister\* has approved the issue from the Development Fund of a sum not exceeding four million five hundred thousand and ten ringgit (RM4,500,010) for expenditure in 2020/2021\* for purposes not provided or not fully provided for by the Development Expenditure Estimates 2020/2021\*.

2. The said sum is appropriated for the purposes specified in the Schedule hereto:

SCHEDULE					
Purpose	Item (Project)	Title	Amount		
			Direct	Loan	
			(RM)		
P.4 - State Secretariat	01000	District Development	1,500,000	-	
	07000	Conservation of Heritage Buildings	500,000	-	
P.6 - State Finance and Treasury Office	04000	Contingency Expenditure	2,000,000	-	
P.9 - Public Works Department	06000	Civil Works	500,000	-	
P.12 - Veterinary Services Department	02000 (New)	Development of Non-Ruminant Industry	10	-	
TOTAL			<u>4,500,010</u>	<u>-</u>	
<b>GRAND TOTAL</b>			<b><u>4,500,010</u></b>		

Dated this 31st day of June 2021.

[ ]

NAME  
State Financial Officer/  
State Financial Secretary, Sarawak/  
Permanent Secretary,  
Ministry of Finance Sabah\*

(Note: \* Delete whichever is not applicable)



31 Mac 2021  
31 March 2021  
P.U. (A) 151

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

ORDINAN DARURAT (KUASA-KUASA PERLU)  
(PINDAAN) 2021

*EMERGENCY (ESSENTIAL POWERS) (AMENDMENT)  
ORDINANCE 2021*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

ORDINAN DARURAT (KUASA-KUASA PERLU) (PINDAAN) 2021

Suatu Ordinan yang dimasyhurkan oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

[31 Mac 2021]

BAHAWASANYA disebabkan oleh suatu darurat besar sedang berlaku yang mengancam keselamatan, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam di dalam Persekutuan berikutan wabak penyakit berjangkit, iaitu Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), suatu Proklamasi Darurat telah dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan pada sebelas hari bulan Januari, dua ribu dua puluh satu:

DAN BAHAWASANYA Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa tindakan serta-merta adalah dikehendaki bagi menjamin dan mengekalkan keselamatan, kehidupan ekonomi dan ketenteraman awam:

MAKA ADALAH DENGAN INI DIMASYHURKAN SUATU ORDINAN oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Fasal (2B) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Ordinan ini bolehlah dinamakan **Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) (Pindaan) 2021**.

(2) Ordinan ini mula berkuat kuasa pada 31 Mac 2021.

**Seksyen baharu 10A dan 10B**

2. Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 [P.U. (A) 12/2021] dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 10 seksyen yang berikut:



**“Peruntukan kewangan sementara**

10A. Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan sesuatu Negeri yang berhubungan dengan perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan atau Kumpulan Wang Disatukan bagi sesuatu Negeri, apa-apa perbelanjaan tambahan yang menghendaki suatu Akta atau Enakmen atau ketetapan Dewan Rakyat atau Dewan Undangan bagi sesuatu Negeri, dan pengeluaran daripada mana-mana Kumpulan Wang itu, bagi tempoh darurat berkuat kuasa, apa-apa perbelanjaan atau pengeluaran daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan atau Kumpulan Wang Disatukan bagi sesuatu Negeri boleh dibuat dengan kelulusan Perbendaharaan atau Menteri Besar atau Ketua Menteri bagi sesuatu Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan mengikut cara sebagaimana yang diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau mana-mana Arahan Perbendaharaan atau Pekeliling Perbendaharaan yang berhubungan dengannya yang pada masa itu berkuat kuasa.

**Ketidapkakaian tatacara bagi penggunaan wang yang diperdapatkan atau diterima**

10B. Bagi tempoh darurat berkuat kuasa—

- (a) peruntukan yang berhubungan dengan penggunaan wang yang diperuntukkan dalam perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275]; dan
- (b) peruntukan yang berhubungan dengan penggunaan wang yang diperuntukkan dalam perenggan 2(2)(b) Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188],

tidak mempunyai kesan.”.

DIMASYHURKAN di Istana Negara BETA di Kuala Lumpur, Ibu Kota Persekutuan,  
pada dua puluh lima hari bulan Mac, dua ribu dua puluh satu.

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM  
SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH  
*Yang di-Pertuan Agong*

*[Akan dibentangkan di Parlimen menurut Fasal (3) Perkara 150  
Perlembagaan Persekutuan]*

EMERGENCY (ESSENTIAL POWERS) (AMENDMENT) ORDINANCE 2021

An Ordinance promulgated by the Yang di-Pertuan Agong pursuant to Clause (2B) of Article 150 of the Federal Constitution.

[31 March 2021]

WHEREAS by reason of the existence of a grave emergency threatening the security, economic life and public order of the Federation arising from the epidemic of an infectious disease, namely Coronavirus Disease 2019 (COVID-19), a Proclamation of Emergency has been issued by the Yang di-Pertuan Agong under Article 150 of the Federal Constitution on the eleventh day of January, two thousand twenty one:

AND WHEREAS the Yang di-Pertuan Agong is satisfied that immediate action is required to guarantee and preserve the security, economic life and public order:

IT IS HEREBY PROMULGATED AN ORDINANCE by the Yang di-Pertuan Agong pursuant to Clause (2B) of Article 150 of the Federal Constitution as follows:

**Short title and commencement**

1. (1) This ordinance may be cited as the **Emergency (Essential Powers) (Amendment) Ordinance 2021**.

(2) This Ordinance comes into operation on 31 March 2021.

**New sections 10A and 10B**

2. The Emergency (Essential Powers) Ordinance 2021 [*P.U. (A) 12/2021*] is amended by inserting after section 10 the following sections:

**“Temporary financial provisions**

10A. Notwithstanding any provision in the Federal Constitution and the Constitution of a State relating to expenditure charged on the Federal Consolidated Fund or the Consolidated Fund of a State, any supplementary

expenditure requiring an Act or Enactment or resolution of the House of Representatives or Legislative Assembly of a State, and withdrawal from any of the Consolidated Funds, for so long as the emergency is in force, any such expenditure or withdrawal from the Federal Consolidated Fund or the Consolidated Fund of a State may be made with the approval of the Treasury or the Menteri Besar or Chief Minister of a State, as the case may be in such manner as may be provided by any written law or any Treasury Instructions or Treasury Circulars relating thereto for the time being in force.

**Non-application of procedures for application of moneys raised or received**

10B. For so long as the emergency is in force—

(a) the provision relating to the application of moneys provided in paragraph 4(b) of the Government Funding Act 1983 [Act 275]; and

(b) the provision relating to the application of moneys provided in paragraph 2(2)(b) of the Treasury Bills (Local) Act 1946 [Act 188],

shall have no effect.”.

PROMULGATED at OUR Istana Negara in Kuala Lumpur, the Federal Capital, this twenty-fifth day of March, two thousand twenty one.

AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM  
SULTAN HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTA'IN BILLAH  
*Yang di-Pertuan Agong*

*[To be laid before Parliament pursuant to Clause (3) of Article 150 of the Federal Constitution]*